


**BICARA INDUSTRI: KERJAYA GRADUAN BERSAMA
FLOWCO (M) SDN. BHD.
13 APRIL 2023**

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

Disediakan oleh: Asmah Sabtu



Program Live @ PTAR menerusi Segmen Bicara Industri kali ini telah menampilkan panel luar UiTM iaitu Eksekutif Sumber Manusia Flowco (M) Sdn. Bhd. Encik Izhar Fahmi manakala Saudari Siti Hajar Roslim sebagai moderator program. Program ini telah bersiaran secara langsung pada hari Khamis bermula jam 10:00 pagi hingga 11:00 pagi di Ruang Media, PTAR. Melalui segmen kali ini tajuk yang dikongsikan ialah "Kerjaya Graduan bersama Flowco (M) Sdn. Bhd."

Encik Izhar ada menyatakan latar belakang mengenai Flowco (M) Sdn.Bhd. ini. Beliau memberitahu bahawa syarikat ini merupakan syarikat pembekal peralatan minyak dan gas runcit hiliran terkemuka dan syarikat penyedia perkhidmatan penyelenggaraan di Malaysia. HQ Syarikat ini bertempat di Kota Damansara, Kuala Lumpur. Terdapat 6 Warehouses Flowco ini di Malaysia iaitu di Sungai Petani, Johor Bahru, Marang, Kelantan, Selangor dan Kota Kinabalu.

En Izhar juga ada berkongsi mengenai produk yang dibuat oleh Syarikat Flowco (M) ini. Produk-produk di syarikat ini akan dibeli bergantung kepada tahap penggunaan syarikat petrol pam itu sendiri. Ada yang membeli satu sahaja produk dan ada yang membeli lebih daripada satu. Kemudian, servis yang ditawarkan juga terdapat pelbagai (penampalan, pembaikan) dan servisnya juga akan dibuat selama tiga bulan sekali atau enam bulan sekali.

Kesimpulannya, perkongsian yang telah disampaikan oleh Encik Izhar Fahmi amat membantu graduan yang mahu merebut peluang pekerjaan di syarikat tersebut. Oleh itu, program bicara industri seperti ini diharapkan dapat diteruskan lagi agar dapat membantu generasi muda pada masa akan datang.

